

USIM catat sejarah lahir graduan sulung Pengajian Akidah dan Agama

KUALA LUMPUR 2 Dis. - Majlis Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-11 yang berlangsung pada 30 November dan 1 Disember lalu mencatat sejarah tersendiri apabila 43 mahasiswa dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan menjadi graduan sulung Ijazah Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama.

Menurut kenyataan USIM, ju-



mlah tersebut adalah sebahagian daripada 1,468 graduan yang menerima ijazah sarjana muda, ijazah

sarjana dan ijazah doktor falsafah masing-masing di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan.

Pada majlis sama, dua tokoh turut menerima anugerah ijazah kehormat sebagai penghargaan atas sumbangan mereka terhadap penubuhan serta pembangunan kurikulum program akademik Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM.

“Ijazah Kehormat Doktor Fal-

safah Pengurusan Sumber Manusia telah dianugerahkan kepada Prof. Datuk Dr. Hassan Said atas sumbangan serta idea yang diberikan terhadap penubuhan USIM atau dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) sebelum ini.

“Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman pula menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan

Kehakiman atas sumbangan membangunkan kurikulum program akademik Fakulti Syariah dan Undang-Undang yang diperkenalkan sejak 2003,” kata kenyataan itu.

Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud yang juga Canselor USIM berangkat pada majlis konvokesyen berlangsung selama dua hari itu.